



AINI IDERIS (tengah) bersama dua atlet Olimpik Rio 2016, **Zaidatul Husniah Zulkifli (kanan)** dan **Cheong Jun Hoong** ketika Majlis Penyampaian Insentif kepada Atlet UPM Olimpik Rio 2016 di Serdang, Selangor, semalam.

Pelajar UPM sertai Olimpik Rio terima insentif

UTUSAN MALAYSIA
15/9/2016 p. 18

SERDANG 14 Sept. - Tiga atlet Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima insentif daripada universiti itu berikutan penyertaan cemerlang mereka dalam Sukan Olimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil, baru-baru ini.

Menerusi Skim Insentif Kemenangan Atlet UPM itu, ketiga-tiga atlet terbabit menerima wang tunai serta geran mobiliti yang memberikan mereka peluang untuk mengikuti program pertukaran pelajar ke luar negara dengan tajaan penuh.

Tiga atlet terbabit adalah Cheong Jun Hoong (terjun) yang menerima RM4,000, manakala Zaidatul Husniah Zulkifli (pelari pecut), dan Johnathan Wong Guanjie (menembak), masing-masing menerima RM1,000.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata, insentif itu bagi menghargai sumbangan atlet terbabit yang berkorban masa dan tenaga demi mengharumkan nama negara.

"Skim insentif ini diwujudkan bagi meraikan semua atlet UPM yang cemerlang dalam sukan terutamanya di peringkat antarabangsa.

"Diharapkan dengan pemberian insentif ini dapat memberi impak yang positif kepada atlet lain agar lebih bermotivasi untuk memenangi setiap pertandingan yang disertai," katanya ketika berucap dalam Majlis Penyampaian Insentif Atlet Sukan UPM ke Olimpik Rio 2016, di sini hari ini.

Atlet Jun Hoong, 26, ketika ditemui berkata, beliau tidak mahu terus dibuai kejayaan memenangi pingat perak dalam temasya sukan itu, baru-baru ini.

"Pada saya kemenangan itu sudah menjadi sejarah dan fokus saya sekarang adalah untuk memberikan persembahan terbaik pada kejohanan akan datang.

"Untuk menyasarkan pingat emas pada Sukan Olimpik Tokyo 2020 mungkin keterlaluhan buat masa ini, kerana saya tidak tahu tahap prestasi saya sepanjang empat tahun akan datang, tetapi saya akan terus berusaha memperbaiki prestasi saya," katanya.

Jun Hoong di jadual berlepas ke China Isnin ini untuk menjalani latihan selama sebulan sebelum menghadapi Grand Prix Kuching dan Goldcoast pada Oktober ini.